



**PEKELILING PESURUHJAYA PELANCONGAN
BIL. 1/2025**

**SYARAT-SYARAT TAMBAHAN LESEN PERNIAGAAN PENGENDALIAN
PELANCONGAN DAN PERNIAGAAN AGENSI PENGEMBARAAN (TOBTAB) DI
BAWAH AKTA INDUSTRI PELANCONGAN 1992 [AKTA 482] DAN PERATURAN-
PERATURAN BERKAITAN**

TUJUAN

1. Pekeliling Pesuruhjaya Pelancongan ini bertujuan untuk memaklumkan syarat-syarat tambahan Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dan Perniagaan Agensi Pengembaraan (TOBTAB) ("Pemegang Lesen") di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [AKTA 482] dan peraturan-peraturan berkaitan.

LATAR BELAKANG

2. Rentetan daripada beberapa kemalangan yang berlaku melibatkan pelancong dan kenderaan pelancongan kebelakangan ini, MOTAC telah meneliti keperluan untuk menambah syarat dalam lesen TOBTAB sebagai langkah kawalan dan pencegahan.
3. Berdasarkan perenggan 6(1)(n), Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) (Pindaan) 2024 [P.U.(A) 333/1992], Pemegang Lesen wajib mematuhi sebarang syarat tambahan yang ditetapkan oleh Pesuruhjaya dari semasa ke semasa.
4. Justifikasi syarat tambahan lesen TOBTAB adalah seperti berikut:
 - (i) Laporan awal kemalangan dapat membantu dari aspek pemantauan dan penguatkuasaan, perlindungan reputasi industri pelancongan, koordinasi bantuan dan sokongan, keselamatan serta tanggungjawab ke atas pelancong; dan
 - (ii) Memastikan pemandu kenderaan persiaran tidak mengambil atau menyalahgunakan bahan terlarang bagi melindungi keselamatan pelancong

dan orang awam, meningkatkan profesionalisme pemandu kenderaan persiaran dan melindungi reputasi industri pelancongan Malaysia.

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

5. Berikut adalah dua (2) syarat tambahan lesen Pemegang Lesen TOBTAB:

Kewajipan Melaporkan Kemalangan

- (a) Pemegang Lesen dikehendaki memfailkan laporan kemalangan kepada MOTAC dengan menggunakan borang seperti di **LAMPIRAN A** dalam tempoh masa yang 24 jam dari mula kejadian berlaku.

Larangan Pengendalian Perkhidmatan oleh Individu Di Bawah Pengaruh Bahan Terlarang

- (b) Pemegang Lesen hendaklah memastikan pekerja atau pemandu yang mengendalikan perkhidmatan pelancongannya termasuklah perkhidmatan memandu atau mengendalikan kenderaan persiaran (seperti bas persiaran dan bot pelancongan), semasa mengendalikan perkhidmatan pelancongan itu, -sihat dan bebas daripada pengaruh atau penyalahgunaan barang terlarang seperti yang berikut:
 - (i) Dadah;
 - (ii) Bahan narkotik;
 - (iii) Alkohol;
 - (iv) Ubat-ubatan kawalan yang disalah guna; atau
 - (v) Bahan kimia atau pelarut berbahaya yang boleh menjejaskan tumpuan, kawalan diri atau keupayaan untuk memandu secara selamat.

6. Mana-mana Pemegang Lesen yang melanggar syarat tambahan lesen ini—

- (a) melakukan suatu kesalahan dan boleh dikenakan tindakan di bawah superaturan 6(2) Peraturan-Peraturan Industri Pelancongan (Perniagaan Pengendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan) (Pindaan) 2024 [*P.U.(A) 333/1992*]; dan/atau

- (b) melakukan pelanggaran syarat lesen yang membolehkan lesennya digantung atau dibatalkan di bawah seksyen 8 Akta Industri Pelancongan 1992 [Akta 482].

TARIKH KUAT KUASA

7. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.

PEMBATALAN

8. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Pesuruhjaya Pelancongan ini, Surat MOTAC (no.ruj: MOTAC.600-4/1/47 JLD 47(30)) bertarikh 30 Jun 2025 adalah dibatalkan.



(DATO' SHAHARUDDIN BIN ABU SOHOT)
Pesuruhjaya Pelancongan
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)

Tarikh: 8 Julai 2025

LAPORAN KEMALANGAN OLEH PEMEGANG LESEN TOBTAB

(Hendaklah dihantar dalam tempoh 24 jam selepas kemalangan berlaku.)

Ruj. Kami :
Tarikh :

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC)
Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan
Aras 1, No. 2, Menara 1
Jalan P5/6, Presint 5

62200 PUTRAJAYA

E-mel : asp@motac.gov.my / unitasp@motac.gov.my / tobtab@motac.gov.my

No. Tel. : 03-8891 7583 / 03 8891 7211

Maklumat Kes

1.	Nama syarikat TOBTAB	:	
2.	No. lesen & tarikh tamat lesen TOBTAB	:	
3.	No. pendaftaran syarikat	:	
4.	No. telefon bimbit	:	
5.	Tarikh & masa kejadian	:	
6.	Tempat kejadian	:	
7.	Jenis kenderaan terlibat	:	
8.	Nombor pendaftaran kenderaan	:	
9.	Tarikh tamat lesen kenderaan	:	
10.	Nama pemandu, no. kad pengenalan, no. lesen memandu, no. telefon bimbit	:	

LAPORAN KEMALANGAN OLEH PEMEGANG LESEN TOBTAB

11.	Nama pemandu pelancong (TG), no. lesen & no. telefon bimbit	:															
12.	Surat kelulusan pengecualian pemandu pelancong (TG)	:	Ada / Tiada														
13.	Tujuan perjalanan	:															
14.	Tarikh & laluan perjalanan	:															
15.	Maklumat Penumpang	:	<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <th style="width: 30%;">Penumpang</th> <th style="width: 20%;">Lelaki</th> <th style="width: 20%;">Perempuan</th> </tr> <tr> <td>Kanak-Kanak</td> <td style="height: 25px;"></td> <td style="height: 25px;"></td> </tr> <tr> <td>Dewasa</td> <td style="height: 25px;"></td> <td style="height: 25px;"></td> </tr> <tr> <td>Jumlah</td> <td style="height: 25px;"></td> <td style="height: 25px;"></td> </tr> </table>			Penumpang	Lelaki	Perempuan	Kanak-Kanak			Dewasa			Jumlah		
Penumpang	Lelaki	Perempuan															
Kanak-Kanak																	
Dewasa																	
Jumlah																	
16.	Ringkasan kejadian (sila lampirkan salinan laporan polis dan gambar berkaitan)	:															

LAPORAN KEMALANGAN OLEH PEMEGANG LESEN TOBTAB

17.	Butir kerosakan harta benda		
(i)	Infrastruktur (contoh: jalan raya, penghadang jalan, lampu jalan, papan tanda, dan sebagainya)	:	
(ii)	Maklumat kenderaan syarikat	:	
(iii)	Maklumat kenderaan pihak ketiga	:	
(iv)	Pencemaran alam sekitar (contoh: tumpahan minyak, kebocoran gas, kebakaran, dan sebagainya)	:	
(v)	Kerosakan-kerosakan lain	:	

Saya dengan ini mengesahkan bahawa semua maklumat yang diberikan adalah tepat dan benar. Saya juga memahami bahawa saya boleh dikenakan tindakan tegas oleh pihak Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) sekiranya didapati bahawa maklumat yang dikemukakan, sama ada sebahagian atau keseluruhan, adalah palsu, tidak benar, atau mengelirukan. Saya akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas kes ini sehingga tamat penyiasatan oleh pihak MOTAC.

Tandatangan pengurus syarikat :

Nama pengurus syarikat :

Tarikh :

Cop syarikat :